Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (475961-X)
Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

18.2.2019

KENYATAAN MEDIA
oleh Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

PROJEK PELENCONGAN PAIP DI PAYA TERUBONG PADA JUMAAT UNTUK JAMIN BEKALAN AIR BAGI 22,500 PENGGUNA

Butir penting: **Gangguan bekalan air berjadual 12 jam semalaman**	
Masa/Hari/Tarikh	**10.00 malam hari Jumaat 22.2.2019 – 10.00 pagi hari Sabtu 23.2.2019**
Sebab	**Pelencongan Strategik saluran paip 600mm MS sedia ada daripada kawasan pembinaan untuk mengurangkan risiko kemalangan.**

PULAU PINANG, Isnin (18.2.2019): Gangguan bekalan air berjadual selama 12 jam akan berlaku di beberapa kawasan di Paya Terubong dari 10.00 malam hari Jumaat, 22.2.2019, hingga 10.00 pagi hari Sabtu, 23.2.2019.

Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang akan menghenti tugas sementara bekalan air saluran paip 600mm MS (keluli lembut) sedia ada untuk memudahkan projek lencongan paip di hadapan stesen minyak Petronas di Jalan Paya Terubong.

Saluran paip 600mm akan dilencongkan dari tapak pembinaan di Lot 9324 dan 9325 di Mukim 13, Daerah Timur Laut. Langkah ini akan menjamin bekalan air kira-kira 22,500 pengguna air yang tinggal di kawasan tersebut.

Pengguna-pengguna yang terjejas

Pengguna domestik dan perniagaan di 7 kawasan berikut yang terjejas diminta untuk menyimpan air yang mencukupi untuk digunakan dari jam 10.00 malam pada hari Jumaat 22.2.2019 – 10.00 pagi pada hari Sabtu 23.2.2019:

1	Majestic Heights – 9 Blok, Tingkat Paya Terubong 5
2	Suria Vista Apartment – Tingkat Paya Terubong 4
3	Taman Terubong Indah – 3 Blok, Tingkat Paya Terubong 4
4	Taman Green Garden – Jalan Paya Terubong
5	Taman Boon Siew
6	Jalan Buah Jambu
7	Jalan Buah Limau

Sila rujuk pada peta di 'Appendix A' yang menunjukkan kawasan yang terjejas.

Harap maklum bahawa projek pelencongan paip ini adalah langkah penting untuk menjamin perkhidmatan bekalan air di Paya Terubong. Ia akan mengurangkan risiko kemalangan akibat kerja-kerja pembinaan yang sedang berlangsung.

PBAPP memohon maaf di atas kesulitan yang berlaku. Sila simpan air mencukupi untuk kegunaan semalaman.

Terima kasih.

Dato' Ir. Jaseni Maidinsa,
Ketua Pegawai Eksekutif,
PBA Holdings Bhd (PBAHB) dan
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP)

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my

PBA
Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd
(475961-X)

Memenuhi segala keperluan bekalan air anda
Meeting all your water supply needs

600MM MS PIPE DIVERSION PROJECT AT PAYA TERUBONG TO SAFEGUARD WATER SUPPLY FOR 22,500 CONSUMERS

10.00pm on Friday, 22.2.2019 to
10.00am on Saturday, 23.2.2019

Affected Areas

N

JALAN BUAH LIMAU
JALAN BUAH JAMBU
JALAN ORIENTAL TIGA
JALAN PAYA TERUBONG
TAMAN BOON SIEW
PETRONAS
DIVERSION OF 600MM MS PIPE
JALAN PAYA TERUBONG
TINGKAT PAYA TERUBONG 5
TAMAN GREEN GARDEN
TAMAN SURIA VISTA
TAMAN MAJESTIC HEIGHT
JALAN PAYA TERUBONG
TINGKAT PAYA TERUBONG 5
TAMAN PAYA TERUBONG INDAH